

Sistem penyampaian perkhidmatan UMS semakin baik

New Sabah Times, 18 November 2016, 4

KOTA KINABALU: Sistem penyampaian perkhidmatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) semakin bertambah baik termasuk usaha mengurangkan karenah birokrasi, kata Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata, kualiti dan kecekapan warga pentadbir UMS telah menunjukkan banyak perubahan ketara berbanding 10 tahun yang lalu, untuk kebaikan para pelajar dan semua pihak. Ini termasuk usaha mengurangkan karenah birokrasi semasa pelajar dan orang ramai berurusan dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan pembaharuan serta penambahbaikan di jabatan-jabatan lain di UMS.

Sistem dan prosedur serta peraturan-peraturan ketat juga telah dipermudahkan dan dijadikan lebih telus serta mesra pelanggan, katanya. dalam teks ucapan sempena perasmian Hari Bertemu Pelanggan anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMS, di Anjung Siswa, di sini, kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Azmi Jumat. Mohd Harun berkata, persekitaran pejabat yang lebih kondusif di universiti itu memudahkan urusan kedua-dua pihak yang memberi dan menerima perkhidmatan. Begitupun, pencapaian ini tidak harus menjadikan kita lalai sebaliknya, kita harus meneruskan usaha meningkatkan lagi kualiti yang telah dicapai.

Kita perlu sentiasa berusaha meningkatkan prestasi kerja dan memperbaiki segala kelemahan serta kepincangan yang ada dalam sesuatu perkhidmatan, katanya. Beliau berkata tindakan segelintir kakitangan yang bersikap negatif semasa menjalankan tugas memberikan imej buruk kepada keseluruhan perkhidmatan di universiti.

Oleh itu, cabaran ini perlu kita tangani sebaik mungkin supaya ia tidak mencalar usaha-usaha pembaikan dan pembaharuan yang kita teruskan dari masa ke semasa. Harus diingat bahawa imej dan kualiti perkhidmatan yang kita berikan secara keseluruhannya adalah bergantung kepada setiap individu dalam sesebuah organisasi.

Sehubungan itu, gunakanlah segala kekuatan dan keistimewaan yang ada pada diri masing-masing untuk memartabatkan lagi perkhidmatan ke tahap yang lebih tinggi daripada yang telah kita capai pada hari ini, katanya. Beliau berkata: Perkhidmatan yang kita berikan perlu sentiasa bersedia dan bergerak ke arah merealisasikan hasrat Wawasan 2020 dan Pelan Pendidikan Tinggi Nasional 2015-2025 serta tagline Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu Soaring Upwards. Persaingan pada hari ini menuntut kita memberi perkhidmatan yang berkualiti, selaras dengan hasrat dan harapan Kementerian Pendidikan Tinggi.

Beliau berkata bagi mencapai hasrat dan harapan tersebut, warga pentadbir universiti mestilah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan lagi mutu penyampaian yang diberikan.

Kita perlu peka dan harus berusaha memberikan yang terbaik kepada orang ramai dan pada masa yang sama cuba memenuhi harapan mereka supaya mereka berpuas hati dan memberikan keyakinan terhadap perkhidmatan yang kita sediakan, katanya. – OLEH **MARRYAN RAZAN** –
marrayan@newsabahtimes.com.my